

## **AMALAN PENGURUSAN SEKOLAH BERKESAN PENTADBIR SEKOLAH RENDAH AGAMA INTERGRASI NEGERI SELANGOR.**

**Jamalullail Abdul Wahab<sub>1</sub>,  
Nor'Azlin Salamun @ Mohamed<sub>2</sub>,  
Ameer Hazim Mustapa<sub>3</sub>,  
Fairous Ismail<sub>4</sub>,  
Md Fuad Md Rafik<sub>5</sub>**

### **ABSTRAK**

*Kajian yang dilakukan secara tinjauan ini bertujuan untuk mengkaji tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Negeri Selangor menurut perspektif guru. Seramai 175 orang guru dipilih sebagai sampel kajian melalui persampelan rawak mudah untuk melihat amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir melalui soal selidik sekolah berkesan. Analisis data secara deskriptif mendapatkan tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir di SRAI adalah tinggi (nilai min = 3.72 dan sisihan piaawai = 0.482) dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir berdasarkan lokasi sekolah. Amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan di sekolah masa kini memerlukan pengukuhan dan penambahbaikan berterusan agar keberkesanan sekolah dapat dilestari serta dilonjakkan bagi merealisasikan matlamat pendidikan negara.*

(Kata kunci : amalan, pengurusan, sekolah berkesan, pentadbir sekolah, Sekolah Rendah Agama Integrasi)

---

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Emel : jamall64@ukm.my

<sup>2</sup>Sekolah Rendah Agama Integrasi, Selangor.

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Emel : ameerhazim@ymail.com

<sup>4</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Emel : fairousismail@yahoo.com

<sup>5</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Emel : adrafik79@yahoo.com

### **PENDAHULUAN**

Kecemerlangan sesebuah sekolah pada hari ini sering dikaitkan dengan kesungguhan dan kecemerlangan pentadbir sekolah melaksanakan pelan pembangunan pendidikannya. Pengetua atau Guru besar dan Guru Penolong kanan mempunyai tanggungjawab penting memastikan sistem pendidikan yang diamalkan di sekolah (Rendah atau Menengah) berupaya melahirkan modal insan (pelajar) yang berkompetensi tinggi secara seimbang dan menyeluruh (Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan

Wawasan negara (Jamalullail et al. 2010). Sehubungan dengan ini, kepimpinan dan pendekatan pengurusan pentadbir di sekolah perlu sentiasa berkeupayaan mempertingkatkan tahap profesional modal insan (guru). Menurut Mohd. Tahir (2006), kualiti kepimpinan golongan pentadbir di sekolah seperti pengetua, guru besar dan penolong-penolong kanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kualiti kerja guru dan kejayaan sesebuah sekolah.

Pada umumnya, masyarakat meletakkan harapan dan nilai tinggi terhadap kecermerlangan pencapaian akademik anak-anak mereka kerana kebanyakan ibu-bapa beranggapan bahawa dengan keputusan peperiksaan yang baik akan memudahkan anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dan seterusnya mempunyai peluang yang cerah mendapat pekerjaan yang baik (Charil 1997). Dalam hubungan ini, ibu-bapa yang prihatin dengan pendidikan anak-anak akan berlumba-lumba untuk mendaftarkan anak mereka ke sekolah cemerlang atau sekolah berkesan. Kenyataan ini diperkuuhkan oleh Hussein Mahmood (1993) yang menegaskan bahawa seorang murid yang cemerlang dalam bidang akademik secara khususnya mempunyai peluang yang lebih baik untuk memperoleh pendidikan tinggi dan dengan memperoleh pendidikan tinggi itu pula, seseorang itu boleh mendapat mobiliti sosial secara menegak kerana hakikatnya kelulusan akademik mempunyai korelasi yang tinggi dengan pendapatan dan taraf hidup seseorang.

Kejayaan sesebuah sekolah banyak bergantung kepada sejauh mana golongan pentadbir melaksanakan tanggungjawab mereka secara serentak iaitu sebagai pentadbir atau pengurus dan sebagai pemimpin pengajaran. Golongan pentadbir dituntut berkebolehan tinggi menilai secara menyeluruh pelaksanaan pengurusan sumber manusia, pengurusan kurikulum, pengurusan kewangan dan pengurusan prasarana (termasuk ICT- Teknologi Komunikasi Maklumat). Semua guru dan kakitangan di sekolah harus dipastikan supaya sentiasa siapsiaga dalam melaksanakan tugas secara professional, komited dan kepuasan tinggi. Suasana kerja yang kondusif perlu diwujudkan. Dalam hubungan ini, kepakaran dan perkhidmatan guru perlu sentiasa dihargai dan diiktiraf, ruang dan peluang mendapat latihan professional sentiasa digalakkan dan kebajikan mereka sentiasa dijaga. Justeru, pentadbir perlu mempunyai kecenderungan untuk membawa perubahan sosial yang positif, mengenalpasti kontroversi dan konflik yang timbul untuk diselesaikan dan mengambil pendekatan strategik bagi menangani isu dan permasalahan yang mengekang kemajuan sekolah (Muhyidin 2010).

Dalam konteks lokasi kajian ini, Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Negeri Selangor merupakan sekolah rendah agama yang menjalankan pendidikan integrasi iaitu kurikulum agama dan akademik di bawah satu pentadbiran sekolah. Di dalam sistem ini, murid tidak perlu bersekolah di dua buah sekolah bagi tujuan mempelajari kedua-dua kurikulum. Lazimnya, murid akan bersekolah di sekolah kebangsaan pada sebelah pagi dan pada waktu petang mereka akan ke sekolah agama pula. Keseluruhananya di Negeri Selangor terdapat 11 buah SRAI iaitu sebuah sekolah bagi setiap daerah kecuali Daerah Petaling dan Hulu Langat yang masing-masing mempunyai dua buah SRAI. Kebanyakan sekolah yang melaksanakan sistem ini mengamalkan penyaringan khas bagi kemasukan murid-muridnya dan hanya murid terpilih yang melepass saringan sahaja layak diterima sebagai murid di sekolah-sekolah tersebut. Namun demikian, kaedah kemasukan seumpama ini tidak diamalkan di SRAI luar bandar kerana jumlah permohonan jarang melebihi kuota yang disediakan.

## **TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap amalan pengurusan sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir di SRAI di Selangor. Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenalpasti tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir di SRAI dari perspektif guru.
- (ii) Mengenalpasti perbezaan tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir dari perspektif guru berdasarkan lokasi sekolah.

Berdasarkan objektif kajian, satu hipotesis nul ( $H_0$ ) dibina iaitu:

$H_0$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir dari perspektif guru berdasarkan lokasi sekolah.

## **KERANGKA TEORI**

Terdapat pelbagai teori yang berkaitan dengan kajian ini, antaranya ialah :

### **(a) Teori Sistem**

Lunenburg dan Ornstein (1996) menjelaskan bahawa sistem bermaksud satu set elemen-elemen yang saling berkait dan berfungsi sebagai satu unit bagi mencapai tujuan spesifik. Teori sistem dapat dikaitkan dengan keperluan menganalisis keberkesanan dan kualiti organisasi

seperti sekolah kerana pendekatan ini cuba membuat analisis berdasarkan interaksi keseluruhan bukan terhadap tiap-tiap bahagian dalam satu-satu organisasi secara terpisah. Penekanan sistem terhadap keseluruhan, gabungan dan pertalian antara satu sama lain dapat memberi gambaran yang paling jelas antara satu matlamat, objektif atau permasalahan yang dihadapi. Model kerangka Analisa Input-Output mentakrifkan input sebagai pelbagai jenis sumber yang terdapat manakala output merupakan hasil yang diperolehi dari sistem ini. Dalam hubungan ini amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan digambarkan sebagai satu proses pentadbiran di sekolah (Robiah, 2003). Kajian ini meninjau aktiviti atau kerja yang dilaksanakan dalam sistem sebagai proses pengurusan (proses) yang berlaku di sekolah dan kaitannya dengan sekolah berkesan dari perspektif guru (input). Teori ini melihat kewujudan dan kefungsian sesuatu sebagai satu sistem.

### **(b) Teori Sistem Sosial**

Hoy dan Miskel (2005) menganggap sistem sosial sebagai satu model sesebuah organisasi dan sekolah sebagai suatu sistem sosial. Teori ini mempunyai satu kesatuan yang lebih luas daripada bahagian atau komponen dalam sistem. Setiap bahagian mempunyai kawasan dan batasan yang jelas sebagai subunit, elemen dan subsistem yang saling berkaitan dalam satu susunan yang seimbang. Teori ini berguna untuk mengurai, dan menganalisis sesebuah organisasi seperti sekolah. Perilaku organisasi merupakan fungsi dari interaksi subsistem struktur, individu, budaya dan politik. Dalam kajian ini, teori Sistem Sosial (Hoy dan Miskel, 2005) dirujuk sebagai aspek penting mendasari ruang lingkup sekolah iaitu bagaimana guru sebagai sumber manusia (input) melihat ciri-ciri sekolah berkesan dalam konteks pengurusan sekolah (*environment*).

## **KAJIAN SEKOLAH BERKESAN DI MALAYSIA DAN LUAR NEGARA**

Lau (2000) dalam kajiannya tentang tentang perspektif guru terhadap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan sama ada wujud perbezaan dari segi jantina, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik, mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kesemua tiga belas faktor amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan di sekolah tersebut.

Manakala Rosiah (2007) pula telah mengkaji mengenai Kepimpinan Transformasi Pengetua dan hubungannya dengan enam ciri-ciri sekolah berkesan Mortimore (1995) iaitu perkongsian wawasan dan matlamat, persekitaran pembelajaran, tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran, pengukuhan yang positif, memantau kemajuan dan organisasi

pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua ciri-ciri sekolah berkesan yang dikaji memperoleh skor min pada tahap sederhana (2.6909). Analisis regresi mudah menunjukkan hanya satu komponen sahaja yang paling berpengaruh dalam mewujudkan sekolah berkesan iaitu pengaruh idealisasi.

Kajian tinjauan tentang peranan golongan pentadbir sekolah untuk mewujudkan sekolah berkesan di Bahagian Sibu, Sarawak telah dijalankan oleh Lau Tiew Kiong (2008) berdasarkan ciri-ciri sekolah berkesan Mortimore et al. (1995) tetapi terbatas kepada enam ciri sahaja iaitu kepimpinan profesional, perkongsian visi dan matlamat, kewujudan budaya pembelajaran, tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran, pengukuhan yang positif dan permuafakatan rumah-sekolah. Kajian beliau mendapat terdapat perbezaan yang signifikan bagi peranan pentadbir dalam ciri kepimpinan profesional untuk mewujudkan sekolah berkesan mengikut pengalaman mentadbir. Ini bermakna, ciri kepimpinan yang dimiliki oleh seseorang pentadbir ada kaitannya dengan pengalaman mentadbir kerana pemimpin sebenar cenderung bertindak secara proaktif. Dapatan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa pada keseluruhannya tahap persetujuan pentadbir terhadap peranan mereka untuk mewujudkan sekolah berkesan bagi keenam-enam elemen ciri tersebut adalah sederhana.

Roberson (2010) melalui kajiannya bertajuk *The Relationship Between Principal Personality Type and Elementary School Student Achievement* menegaskan bahawa penghasilan barisan kepimpinan pentadbir berkesan yang dapat memberi impak kepada pencapaian murid adalah suatu masalah yang sering dihadapi oleh pemimpin tertinggi sekolah. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kerjasama dalam kalangan warga dan membuat keputusan secara bersama adalah ciri-ciri kepimpinan yang berkesan serta terdapat hubungan yang signifikan antara gaya personality pemimpin dengan pencapaian akademik murid.

Davis (2009) yang mengkaji tentang perbandingan sekolah berprestasi tinggi dan prestasi rendah di Soroti Catholic Diocese, Uganda di Afrika menyatakan bahawa keberkesanan sekolah sukar dijelaskan walaupun terdapat dua sekolah yang mempunyai profil demografi yang sama kerana banyak pembolehubah dalam sistem persekolahan. Dapatan kajiannya menunjukkan kesemua tujuh ciri-ciri sekolah berkesan mempunyai hubungan signifikan dengan pencapaian sekolah yang dikaji.

Kajian berhubung sekolah berkesan yang dilaksanakan di Brunei oleh Abd. Rajid (2010) telah mengenal pasti ciri-ciri utama sekolah berkesan di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji

Hasanal Bolkiah (ITQSHHB) berdasarkan pandangan pelajar, guru dan pentadbir berasaskan 13 ciri-ciri sekolah berkesan yang dikemukakan oleh Mortimore et al. (1995). Dapatan kajian itu menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan pandangan guru terhadap ciri-ciri sekolah berkesan di ITQSHHB berdasarkan pengalaman mengajar. Didapati min guru berpengalaman mengajar lebih dari lima tahun adalah tinggi daripada min guru berpengalaman mengajar kurang dari lima tahun. Ini menggambarkan guru yang berpengalaman lebih dari lima tahun melihat ciri-ciri sekolah berkesan di ITQSHHB pada tahap yang lebih baik namun min bagi kedua-dua kategori pengalaman mengajar guru adalah tinggi. Ini bermaksud guru-guru melihat bahawa terdapat amalan ciri-ciri sekolah berkesan di ITQSHHB. Walau bagaimanapun, kajian itu mendapati bahawa tidak wujud perbezaan pandangan terhadap ciri-ciri sekolah berkesan antara guru yang pernah memegang jawatan pentadbiran dan guru biasa.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir di SRAI menurut perspektif guru berdasarkan lokasi sekolah (bandar dan luar bandar). Dalam konteks kajian ini, pentadbir merujuk kepada Guru Besar, Guru Penolong dan Guru Kanan Matapelajaran di SRAI. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan dilaksanakan di mana soal selidik yang telah diubahsuai daripada *Key Characteristic of Effective School* (Mortimore et al, 2010) dimanfaatkan sebagai alat kajian. Dalam hubungan ini, pengkaji terdahulu yang telah menggunakan faktor penentu ciri-ciri adalah Lau (2008) dan Rosiah (2007) di mana mereka berhujah bahawa keseluruhan 11 ciri-ciri sekolah berkesan yang diperkenalkan oleh Mortimore sebagai lebih lengkap.

Enam buah Sekolah Rendah Agama Islam (SRAI) dari enam daerah di Negeri Selangor (sebuah SRAI dari setiap daerah) yang terdiri dari tiga buah SRAI di bandar dan 3 buah sekolah di luar bandar telah dipilih sebagai lokasi kajian. Populasi bagi keenam-enam SRAI brkenaan ialah seramai 343 orang yang terdiri dari 24 orang pentadbir dan 319 orang guru. Teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih guru sebagai sampel kajian. Berdasarkan jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan 1970 (dalam Chua, 2006), bagi populasi seramai 320 orang, bilangan sampel yang diperlukan ialah 175 orang. Oleh yang demikian, kajian ini telah mengguakan seramai 175 sampel guru bagi mewakili populasi seramai 319 orang.

## DAPATAN KAJIAN

Kesemua 175 soal selidik yang telah dilengkapi oleh guru berjaya dikumpulkan. Berdasarkan lokasi, seramai 84 orang (48.0%) guru dalam bandar dan seramai 91 orang guru (52.0%) guru luar bandar.

### **Tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir di SRAI.**

Analisis kajian secara keseluruhan menunjukkan tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir menurut perspektif guru adalah tinggi ( $\text{min} = 3.72$  dan sisihan piawai = 0.482). Dalam hubungan ni, terdapat beberapa kajian terdahulu yang telah memperolehi dapatan yang agak sama (Lau Tiew Kiong 2008; Institut Aminuddin Baki 2005; Lau Ki Chuan 2000). Dapatkan ini menunjukkan bahawa konsep sekolah berkesan yang telah lama diamalkan di barat telah diaplikasi dengan meluas di Malaysia termasuklah di SRAI. Namun demikian, hasil kajian ini tidak menyamai dapatan kajian Rosiah (2007) yang mendapati kesemua ciri-ciri sekolah berkesan yang dikaji memperoleh skor min tahap sederhana. Kenyataan oleh Davis (2009) mungkin boleh menjelaskan fenomena ini kerana menurut beliau keberkesanan sekolah sukar dijelaskan walaupun terdapat dua sekolah yang mempunyai profil demografi yang sama kerana banyak pembolehubah (terutalamanya yang luar kawal) yang boleh mempengaruhi sistem sesebuah sekolah itu (Hoy dan Miskel, 2005).

Antara sebelas ciri sekolah berkesan yang dikaji, dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa ciri hak dan tanggungjawab pelajar diamalkan pada tahap yang tinggi ( $\text{min} = 3.79$ , sisihan piawai 0.562). Dapatkan ini menggambarkan bahawa dalam amalan pengurusan mereka, sebahagian besar pentadbir di SRAI menekankan matlamat meningkatkan keyakinan diri pelajar, mewujudkan hubungan baik guru dan murid serta memberi tanggungjawab kepada murid secara positif. Dapatkan berkaitan pemberian tanggungjawab kepada murid ini selari dengan kenyataan Mohammed Sani et al. (2008) yang menegaskan bahawa pemberian tanggungjawab kepada murid penting kerana ia dapat memberi kesan baik terhadap perlakuan, kejayaan akademik dan kemenjadian murid.

Ciri pengharapan yang tinggi, pengukuhan yang positif dan ciri sekolah sebagai organisasi pembelajaran berada pada tahap tinggi (masing-masing memperoleh skor min yang sama iaitu 3.78; sisihan piawai masing-masing ialah 0.563, 0.563 dan 0.599). Dapatkan ini menepati penekanan oleh OFSTED (1993) bahawa pengharapan tinggi mempunyai hubungan yang kuat dengan pembelajaran yang berkesan.

Ciri yang seterusnya iaitu pengukuhan yang positif didapati telah diamalkan pada tahap tinggi oleh pentadbir SRAI. Dapatkan ini menunjukkan majoriti guru SRAI telah menginterpretasikan bahawa amalan pengukuhan positif menjadi amalan pengurusan pentadbir mereka. Dalam hubungan ini, pengurusan disiplin yang cekap membolehkan suasana pengajaran dan pembelajaran (P&P) menjadi kondusif dan membantu meningkatkan keberkesanan proses P&P tersebut. Di samping itu, nilai moral pelajar dapat dibentuk ke tahap tinggi serta sekolah dan bilik darjah menjadi iklim yang memberansangkan untuk proses P & P berjalan lancar. Dalam konteks disiplin di sekolah, pelajar yang didakwa atas kesalahan tertentu harus diberi peluang dibicarkan untuk mendengar penjelasannya dan kajian menunjukkan ganjaran seperti senyuman, pujian dan penghargaan atau hadiah adalah amat berkesan bagi pelajar meningkatkan tingkah laku yang baik (Mohd Ismail 2006). Amalan seumpama ini penting untuk mewujudkan keharmonian di sekolah, apatah lagi dalam era digital kini di mana kesedaran ibubapa terhadap hak anak-anak mereka di sekolah semakin meningkat ekoran kemajuan dalam pendidikan dan pemikiran rakyat Malaysia (Susila 2006).

Bagi amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dari aspek sekolah sebagai organisasi pembelajaran berada pada tahap tinggi (skor min = 3.78, sisihan piawai = 0.599). Dapatkan ini jelas menunjukkan kebanyakan guru SRAI telah menginterpretasikan bahawa pentadbir mereka telah berjaya mewujudkan sekolah sebagai organisasi pembelajaran di mana pentadbir menggalakkan pembelajaran secara berterusan dalam kalangan mereka sendiri dan guru-guru serta mengadakan program perkembangan staf kendalian sekolah yang dapat membantu meningkatkan kualiti profesional guru. Walau bagaimanapun, pentadbir SRAI perlu memastikan guru yang telah menghadiri kursus luaran akan memimpin kendalian kursus dalaman berkaitan untuk melatih guru-guru lain di sekolah. Kajian oleh NCSL (2003) menekankan sekolah memerlukan program pembangunan profesional terutamanya yang berfokus kepada pembangunan profesional guru, kepimpinan dan kursus pengurusan bilik darjah, kaedah pengajaran, pengurus sumber, penilaian, keperluan dan kemudahan bagi murid berkeperluan khas, pembinaan pasukan sekerja, pengurusan sumber manusia, kemahiran

sebagai koordinator, penggubalan jadual, ICT dan latihan dalam perkhidmatan (Nurhunaini 2001).

Manakala tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan oleh pentadbir SRAI dari aspek perkongsian visi dan matlamat organisasi berada pada tahap tinggi (min = 3.75, sisihan piawai 0.574). Dapatkan ini menunjukkan bahawa tetiga-tiga aspek utama penting bagi ciri ini iaitu perkongsian matlamat dan hala tuju, amalan baik yang berterusan serta kejelekitan dan kerjasama telah diamalkan oleh pentadir pada tahap tinggi dan menepati ciri-ciri sekolah berkesan Mortimore. Dalam hubungan ini, visi yang dikongsi bersama dikatakan dapat menjamin organisasi supaya berada pada landasan yang betul bagi mencapai wawasannya (DEECD, 2009). Matlamat organisasi perlu dikomunikasikan kepada warga agar warga memahami hasrat pentadbir (Azlin & Roslan 2007). Senario seumpama ini dapat membina persefahaman dan persetujuan dalam hala tuju mencapai matlamat dan nilai sekolah kerana guru-guru akan lebih bersemangat untuk bekerjasama apabila pentadbir berjaya mengkomunikasikan matlamat yang dikongsi bersama dan seterusnya mewujudkan perasaan kepunyaan atau kekitaan terhadap organisasi serta meningkatkan motivasi dan keselarian tenaga ahli pasukan dalam pasukan kerja (Rosli 2005).

Dapatkan kajian tentang ciri persekitaran sekolah yang kondusif mendapati bahawa ciri ini berada pada tahap tinggi (purata min = 3.70, sisihan piawai 0.613). Ini bermaksud bahawa amalan pengurusan pentadir SRAI dari aspek persekitaran pembelajaran dan persekitaran tempat kerja yang kondusif ialah pada tahap tinggi. Kenyataan ini menggambarkan keadaan yang baik kerana berdasarkan kajian lepas (Mohamed Sani et al. 2008; Zabidi Mohamad 2006) terdapat hubungan positif antara iklim sekolah dengan pencapaian akademik pelajar. Pada masa yang sama, keadaan seumpama ini dapat menggalak dan memperkuuhkan amalan baik dalam kalangan murid bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Implikasinya, pentadbir perlu sentiasa memastikan agar keadaan persekitaran sekolahnya sentiasa teratur, terurus, terbina budaya & iklim hubungan interpersonal yang baik serta mempunyai prasarana mencukupi yang sentiasa bersedia untuk dimanfaatkan.

### **Perbezaan tahap amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan pentadbir berdasarkan lokasi sekolah.**

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru telah mempersepsikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang amalan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan pentadbir SRAI tanpa

mengira samada lokasi sekolah mereka di bandar atau luar bandar. Justeru, dapatan ini menggambarkan bahawa faktor lokasi sekolah bukanlah angkubah yang boleh menyebabkan berlakunya perbezaan tahap amalan pengurusan sekolah berkesan pentadbir di SRAI. Dapatkan kajian ini berbeza dengan kajian Zarina (2003) yang membuktikan lokasi sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan indeks keberkesanan. Kajian-kajian oleh Rusni (2005), Abdul Razak et al. (2000) dan Ching et al. (1990) juga menunjukkan lokasi sekolah angkubah yang menyebabkan berlakunya perbezaan dalam pelbagai dapatan aspek dikaji. Namun demikian, dalam konteks P&P, kajian oleh Abdul Razak et al. (2000) mendapati bahawa lokasi sekolah samada bandar dan luar bandar tidak membezakan secara signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.

## RUMUSAN

Pada keseluruhannya tahap amalan ciri-ciri sekolah berkesan dalam kalangan pentadbir di Sekolah Rendah Agama Integrasi di Negeri Selangor adalah tinggi. Kesimpulan ini dibuktikan melalui dapatan kajian ini yang menunjukkan sebahagian besar guru-guru di SRAI menyatakan persetujuan bahawa pentadbir mereka telah mengamalkan pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan. Di samping itu, kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap amalan ciri-ciri sekolah berkesan oleh pentadbir SRAI berdasarkan lokasi sekolah. Justru itu, kedua-dua dapatan kajian ini sangat bermakna dalam memastikan kelestarian tadbir urus yang mantap di SRAI bagi melahirkan modal insan yang unggul dan seimbang kompetensinya (jasmani, emosi, rohani dan intelektual) selaras dengan aspirasi negara.

## RUJUKAN

- Abdul Razak Ahamd, Muhammad Hussin, Norzaini Azman & Zalizan Mohd Jelas. 2000. *Strategi pembelajaran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar Melayu luar bandar: Pengaruh modul latihan pendidikan*. Laporan akhir penyelidikan jangka pendek. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor Darul Ehsan.
- Abd Rajid Mohd Salleh. 2010. Ciri-ciri utama sekolah berkesan di Institut Tahfiz Quran Sultan Hasanal Bolkiah Negara Brunei Darussalam. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Azlin Nor Haini Mansor & Roselan Baki. 2007. *Amalan pengurusan pengetua*. Ampang: Penerbit Perpustakaan Negara Malaysia.

Charil Marzuki. 1997. Kajian sekolah berkesan di Malaysia: Model lima faktor. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Chua, Y.P. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.

Davis, P. J. 2009. *A comparison of a high and low-performing school in the Soroti Catholic Diocese, Uganda*. East-Africa: North Central University.

Hoy, W.K. & Miskel, C.G. 2005. *Education Administration: Theory, Research and Practice*. New York : McGraw Hill.

Hussien Mahmood.1993. *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Institut Aminuddin Baki. 2005. *Amalan-amalan terbaik pengurus dan kepimpinan sekolah kebangsaan Malaysia*. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.

Lau Ki Chuan. 2000. Tinjauan amalan faktor-faktor pengurusan ciri-ciri sekolah berkesan dalam menentukan tahap pengurusan sekolah di sebuah sekolah menengah di Daerah Batu Pahat, Johor. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Lau Tiew Kiong. 2008. Peranan golongan pentadbir sekolah untuk mewujudkan sekolah berkesan di bahagian Sibu, Negeri Sarawak. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohammad Sani Ibrahim, Mohd Izham Mohd Hamzah & Jainabee Mb L.S Kassim. 2008. *Sekolah berkesan : Konsep dan ciri-ciri utama*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Tahir Mustapha. 2006. Peranan penolong kanan ke arah keberkesanan sekolah. *Jurnal Pendidikan PKPSM Negeri Sembilan*.

Mortimore, P., Hillman, J. & Sammons, P. 2010. *Key characteristics of effective schools : A review of effectiveness research*. Kertas Kerja Seminar Sekolah Efektif. Anjuran Institut Aminuddin Bakri dan Kementerian Pelajaran Malaysia, Genting Highlands,Pahang, 13-14 Julai.

Muhyidin Yasin. 2010. *Pengetua disyorkan buat penilaian menyeluruh aktiviti sekolah*. Berita Harian. 3 November.

Nenty.H.J., A.M. 2007. *Primary Teacher's Perception of Classroom Assessment Practice As Mean Of Providing Quality Primary/Basic Education By Botswana And Nigeria*. Educational Research And Review 2(4): 74-81.

Nurhunaini Tahir. 2001. Peranan guru kanan mata pelajaran: masalah dan keperluan kursus peningkatan profesionalisme. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Roberson, T. S. 2010. *The relationship between principal personality type and elementary school student achievement*. New York: Walden University

Robiah Sidin. 2003. *Teori pentadbiran pendidikan. satu pengenalan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Rosli Bin Katiman. 2001. Hubungan kerja berpasukan dengan komitmen, kejelekitan dan prestasi ahli dalam panitia matematik di Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat, Johor. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.

Rossiah Muhammad. 2007. Kepimpinan Transformasi pengetua, pengaruhnya dalam mewujudkan sekolah berkesan. Kertas Projek Sarjana Sains, Universiti Teknologi Malaysia.

Rusni Mohd Nor. 2005. Perkaitan di antara budaya sekolah dengan pencapaian akademik pelajar di Negeri Sembilan. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Susila a/p Pavadai. 2006. Persepsi guru terhadap hak pelajar: satu tinjauan di sebuah sekolah menengah di Daerah Jempol Negeri Sembilan. Kertas Projek, Universiti Malaya.

Zarina Mohd Wazir. 2003. *Tahap kecenderungan organisasi sekolah ke arah pengurusan berasaskan sekolah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.